



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 22 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI PASTIKAN SEKURITI MAKANAN NEGARA TERJAMIN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI MELALUI FAMA GIAT USAHA PERKUKUH RANTAIAN PEMASARAN PERTANIAN DI SABAH, SABAH NEWS -ONLINE	
3.	MAFI, FAMA BERTANGGUNGJAWAB TINGKATKAN PENDAPATAN PETANI DAN USAHAWAN MELALUI PTK, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	
4.	PROGRAM SEMARAK TANI KELUARGA MALAYSIA @ TELUPID INISIATIF MAFI UNTUK TINGKATKAN SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA, OH BULAN -ONLINE	
5.	KPDNHEP KERJASAMA DENGAN MAFI TANGANI ISU TELUR, DALAM NEGERI, UM -ONLINE	
6.	JUALAN TERUS DARI LADANG CATAT RM16.17 JUTA, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	SEPTEMBER INFLATION RATE AT 4.5 PET, LOWER THAN AUGUST, BUSINESS, BORNEO POST (KK) -A4	LAIN-LAIN
8.	ANJUNG KORPORAT, NEGARA, KOSMO -ONLINE	
9.	KARTEL MENEKAN RAKYAT, KERAJAAN PERLU AGRESIF KUAT KUASA AKTA PERSAINGAN 2010, MKMU.NET -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

## MAFI pastikan sekuriti makanan negara terjamin



**KERJASAMA:** Ronald (tengah) menyaksikan MoU antara Usahawan dan FAMA untuk eksport Pisang Sabah.

**TELUPID:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin disamping meningkatkan ekonomi rakyat serta negara.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, bagi memastikan ia dilaksanakan secara inklusif, Program Semarak Tani Keluarga Malaysia (STKM) dirangka bertujuan memperkasa komuniti agromakanan luar bandar.

Selain itu, katanya, dapat menyampaikan maklumat berkenaan pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

“Program ini dapat memberi semangat kepada petani luar bandar untuk meningkatkan pengeluaran bekalan makanan negara dan ekonomi mereka.

“Usaha MAFI ini juga adalah bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas langsung daripada komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar-dasar dan pendekatan kerajaan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian program STKM yang dilaksanakan di daerah ini, hari ini.

Katanya, sehingga September ini, MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1.564 bilion dan membangunkan 2,250 outlet melibatkan seramai 55,572 usahawan di seluruh negara.

“Antaranya program pengukuhan rangkaian peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak yang melibatkan projek menaik taraf Pasar Tamu.

“Sebanyak 10 lokasi Pasar Tamu dinaik taraf iaitu lapan daripadanya sudah beroperasi, manakala dua lagi di Tuaran, Sabah dan Sebuyau, Sarawak masih peringkat pembinaan,” katanya.



**BANTUAN:** Ronald menyaksikan penyerahan bantuan Pusat Pengumpulan Ladang (PPL) kepada penerima.

Menurutnya, FAMA sudah mengenal pasti tapak Pasar Tamu Tuaran di Sabah sebagai lokasi untuk dinaik taraf pada tahun ini dan sudah mendapat persetujuan daripada Majlis Daerah Tuaran.

Ronald berkata, FAMA komited membangunkan rantaian pemasaran pertanian di sini melalui penubuhan Pasar

Tamu Telupid serta membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang dan Gerai Buah-Buahan Segar.

“Ia akan memberi manfaat kepada penduduk di daerah ini, sekali gus membangunkan sektor pertanian Telupid supaya rantai pemasaran pertanian di negeri Sabah terus diperkasa,” katanya.

Terdahulu, Ronald menyampaikan bantuan Kit MAFI Prihatin kepada 500 openerima dan menyerahkan peralatan usahawan Ladang Kontrak serta bantuan peralatan daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Beliau turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara usahawan dan FAMA bagi pemasaran buah pamelos serta MoU antara pengeksport dan FAMA bagi pemasaran pisang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2022	SABAH NEWS	ONLINE	

## MAFI Melalui FAMA Giat Usaha Perkuh Rantain Pemasaran Pertanian Di Sabah



TELUPID, SABAH – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) merupakan Kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan sekuriti makanan negara sentiasa terjamin di samping meningkatkan ekonomi rakyat serta negara.

Bagi memastikan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan secara inklusif, Program Semarak Tani Keluarga Malaysia (STKM) dirangka antara lain bertujuan untuk membantu memperkasa komuniti

agromakanan luar bandar selain menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini kerajaan secara terus kepada rakyat di peringkat lapangan.

Program STKM yang diadakan di Telupid pada kali ini telah disempurnakan oleh Menteri, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di mana program ini sedang berlangsung selama tiga hari di Tapak Pasar Tamu Telupid bermula semalam dengan pelbagai aktiviti diadakan seperti Karnival My Best Buy Keluarga Malaysia, Kenduri Rakyat, Karnival Sukan Rakyat dan lain-lain.

***“PROGRAM INI TENTU SEKALI AKAN MENINGKATKAN SEMANGAT USAHA MEREKA UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN BEKALAN MAKANAN NEGARA DAN MENINGKATKAN EKONOMI DI KALANGAN PENGUSAHA KECIL PERTANIAN DI LUAR BANDAR,” KATA DR RONALD...***

Usaha MAFI ini juga adalah bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas langsung daripada komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar-dasar dan pendekatan Kerajaan serta memberikan keyakinan kepada komuniti agromakanan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan mereka sekaligus meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.

Sehingga September 2022, MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah berjaya mencatatkan nilai jualan RM1.564 bilion dan membangunkan 2,250 pembangunan outlet melibatkan seramai 55,572 usahawan di seluruh negara.

***Antaranya program pengukuhan rangkaian peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak yang melibatkan projek dinaiktaraf Pasar Tamu dengan matlamat untuk mentransformasikan Pasar Tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya.***

Untuk rekod sehingga September 2022, sepuluh (10) lokasi Pasar Tamu telah dinaiktaraf iaitu lapan (8) lokasi Pasar Tamu telah beroperasi, manakala dua (2) lokasi Pasar Tamu masih di peringkat pembinaan iaitu di Tuaran, Sabah dan Sebuyau, Sarawak.

Di bawah RMKe-12, FAMA telah mengenalpasti tapak Pasar Tamu Tuaran di Sabah sebagai lokasi untuk dinaiktaraf pada tahun 2022 yang juga telah mendapat persetujuan daripada pihak Majlis Daerah Tuaran.

**Melangkah ke hadapan, FAMA komited untuk terus membangunkan rantaian pemasaran pertanian di daerah Telupid melalui beberapa projek pembangunan termasuk penubuhan sebuah Pasar Tamu Telupid serta membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang dan Gerai Buah-Buahan Segar.**

Dengan pembangunan yang telah dikenalpasti ini, semestinya akan memberi manfaat kepada rakyat Telupid dan sekali gus membangunkan sektor pertanian daerah Telupid supaya rantaian pemasaran pertanian di negeri Sabah terus diperkasa.

***TERDAHULU, DR RONALD TURUT MENYAMPAIKAN BANTUAN KIT MAFI PRIHATIN KEPADA 500 ORANG PENERIMA DAN MENYERAHKAN PERALATAN USAHAWAN LADANG KONTRAK SERTA BANTUAN PERALATAN DARI LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA).***

Beliau juga turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara usahawan dan FAMA bagi pemasaran buah pamelos serta MoU antara pengeksport dan FAMA bagi pemasaran pisang.

Turut hadir, YB Jonnybone J Kurum, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telupid, YB Samad bin Jambri, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah merangkap, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labuk, YBhg. Dato 'Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA, En. Mohd Razif bin Abdullah, Pemangku Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA, En. Ribin Bin Wahid, Pengarah FAMA Negeri Sabah dan En. Muhammad Nasrul bin Omar, Penolong Pegawai Daerah Telupid.

22 OCT, 2022

## MAFI, FAMA bertanggungjawab tingkatkan pendapatan petani dan usahawan melalui PTK

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

# MAFI, FAMA bertanggungjawab tingkatkan pendapatan petani dan usahawan melalui PTK

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pendapatan para petani dan usahawan dalam menyediakan ruang pasaran seperti Pasar Tani Kekal (PTK).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, pada 8 Oktober lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan pertukaran nama asal PTK kepada Pasar Tani Keluarga Malaysia (PTKM) semasa ucapannya pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat Negeri Sembilan.

Jelasnya, PTKM bertujuan untuk mewujudkan ruang pasaran kepada petani/usahawan bagi memasarkan hasil pertanian mereka terus kepada pengguna di bawah tapak yang kekal.

"Sehingga kini, terdapat 36 buah lokasi PTK di seluruh negara yang beroperasi dengan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan pembinaan berjumlah RM152.97 juta," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, seramai 2,323 peserta PTKM telah mendapat



**MENARIK:** Abdul Rahman pada majlis pecah tanah Pasar Tani Keluarga Malaysia, Kuala Lipis.

manfaat dalam menjalankan perniagaan di bawah PTKM dan pencapaian nilai jualan PTKM sehingga September 2022 telah mencatatkan RM175 juta.

"Untuk rekod, lima buah PTKM masih dalam pembinaan iaitu di Seberang Jaya, Kuala Kangsar, Putrajaya, Kuala Lipis dan Cameron Highland.

"Dengan adanya PTKM, para usahawan tani tidak perlu risau lagi dengan faktor iklim seperti cuaca hujan, pemindahan tapak pasar tani atau pasar tani ditutup

disebabkan oleh faktor pembangunan setempat," tambah Abdul Rahman.

Menurut beliau lagi, volum urus niaga usahawan akan meningkat dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan usahawan dan dapat mengurangkan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian.

"PTKM kini sudah menjadi sebahagian dari budaya masyarakat kita. Ia menjadi rutin hidup mingguan atau bulanan terutamanya bagi kaum ibu untuk

membeli barangan segar serta keperluan dapur untuk keluarga masing-masing," ujarnya.

Mengenai PTKM Kuala Lipis, beliau memberitahu ia menelan belanja RM3.11 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2023 dengan menyediakan 58 lot niaga untuk para usahawan.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA Rosilawati Abu Hassan, Pengarah FAMA Negeri Pahang Saiful Sadri.



22 OCT, 2022

## MAFI, FAMA bertanggungjawab tingkatkan pendapatan petani dan usahawan melalui PTK

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUCHING: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pendapatan para petani dan usahawan dalam menyediakan ruang pasaran seperti Pasar Tani Kekal (PTK).

BERITA [VIDEO] TAMPIL ANGGUN DENGAN SOLEKAN MATA, NETIZEN PERSOAL TUJUAN NEELOFA

## Program Semarak Tani Keluarga Malaysia @ Telupid Inisiatif MAFI Untuk Tingkatkan Sektor Agromakanan Negara

October 22nd, 2022 | by Nurul

Share

Tweet



Sejak 64 tahun merdeka, bidang pertanian negara telah melalui beberapa transformasi, namun aspek pertanian tidak pernah dipinggirkan dalam sebarang pelan pembangunan negara.

ADVERTISEMENT



00:14 / 04:58

Sebagai pihak yang bertanggungjawab, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama FAMA menganjurkan program Semarak Tani Keluarga Malaysia (SKTM) @ Telupid bertujuan untuk menyampaikan maklumat tentang pendekatan serta dasar-dasar terkini Kerajaan kepada komuniti agromakanan di lapangan.

Usaha ini juga bagi memastikan keselamatan bekalan makanan negara sentiasa terjamin di samping meningkatkan ekonomi rakyat serta negara.


**SUBSCRIBE YOUTUBE OHBULAN!  
BANYAK VIDEO BEST!**



ohbulanofficial

YouTube

93K



Apa Cerita! Jom Test Handphone Bawah ...



Suami Akhir Zaman



[OBTV] Hanis Zalikha Bercuti Bersama St...



Jom kami kongsi serba sedikit tentang program ini.

CERITA SENSASI DARIPADA BERITA HARIAN



Bas persiaran berlanggar, tiga parah



'Kami tewas kerana kesilapan sendiri'



Calon PM Britain: Johnson sudah ada 100 sokongan



India benam Malaysia aksi Piala Sultan Johor

Untuk pengetahuan korang, program yang berlangsung selama tiga hari di Tapak Pasar Tamu Telupid ini diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti Karnival My Best Buy Keluarga Malaysia, Kenduri Rakyat, Karnival Sukan Rakyat dan lain-lain lagi.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, usaha yang dijalankan MAFI ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas langsung komuniti agromakanan terhadap impak pelaksanaan dasar dan pendekatan Kerajaan serta memberikan keyakinan kepada komuniti agromakanan terhadap komitmen serta usaha-usaha berterusan Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka.

Usaha ini juga diteruskan secara terancang termasuklah penggubalan Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 (atau DAN) yang bertujuan menjamin bekalan makanan negara mencukupi dan selamat, serta menjadikan sektor agromakanan berdaya saing.

## MAFI akan menfokuskan kepada inisiatif untuk tingkatkan sektor agromakanan

Dalam pada itu, MAFI di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan memberi penekanan kepada inisiatif bagi meningkatkan keupayaan sektor agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Antara inisiatif tersebut adalah projek menaiktaraf Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak dengan matlamat untuk mentransformasikan Pasar Tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya.

Sehingga September 2022, 10 lokasi Pasar Tamu telah dinaiktaraf iaitu 8 lokasi Pasar Tamu telah beroperasi, manakala 2 lokasi Pasar Tamu masih di peringkat pembinaan iaitu di Sebuyau, Sarawak dan Tuaran, Sabah.

Melangkah ke hadapan, FAMA akan membangunkan beberapa projek pemasaran pertanian di Kawasan Telupid ini seperti menaik taraf Pasar Tamu sedia ada serta membangunkan Pusat Pengumpulan Ladang dan Gerai Buah-Buahan Segar.

Pembangunan ini semestinya akan memberi manfaat kepada rakyat Telupid dan sekaligus membangunkan kawasan pertanian Telupid supaya rantaian pemasaran makanan di negeri Sabah terus diperkasa. Kerjasama kukuh antara Persekutuan dan Negeri ini dapat memastikan agenda pembangunan kerajaan diteruskan, sekaligus menjamin sekuriti makanan negara.

## MASAKAN TERBARU DARIPADA MYRESIPI



**Sedapnya Bingka Kelapa, Kuih Tradisional Yang Makin Susah Nak Jumpa**



**Susah Nak Tanggalkan Kerak Kuala Lumpur? Ikut Tips Ini Pasti Menjadi**



**Ini Sebenarnya Kisah Sejarah Kicap Cap Kipas Udang, Ramai Orang Tak Tahu**



**Cara Buat Ayam Lemon Ala Chinese Style, Anak-anak Mesti Makan Bertambah!**

Terdahulu, Ronald turut menyampaikan bantuan Kit MAFI Prihatin kepada 500 orang penerima dan menyerahkan peralatan usahawan Ladang Kontrak serta bantuan peralatan dari Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

Ronald juga turut menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara usahawan dan FAMA bagi pemasaran buah Pamelos serta MoU antara pengeksport dan FAMA bagi pemasaran Pisang.

Turut hadir, YB Jonnybone J Kurum, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telupid, YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA dan En. Ribin Bin Wahid, Pengarah FAMA Negeri Sabah.

Headline	KPDNHEP kerjasama dengan MAFI tangani isu telur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	10	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,773



# KPDNHEP kerjasama dengan MAFI tangani isu telur

**PETALING JAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mahu bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkaitan bagi memastikan bekalan telur ayam mencukupi di seluruh negara.

Di Johor, Pejabat KPDNHEP Johor merancang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han berkata, setiap minggu Johor merekodkan pengeluaran telur ayam sebanyak 10 juta biji membabitkan semua jenis gred.

Bagaimanapun, katanya, jumlah itu tidak mencukupi dan pihaknya akan bekerjasama bagi mengatasi perkara tersebut.

"Menerusi tinjauan juga, kuantiti telur ayam tidak mencukupi tetapi bekalan ada. Kita juga sedang mencari di mana pergi telur tersebut," katanya selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan



**LEE TING HAN (dua dari kiri) meninjau harga barangan kawalan sempena pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali di Lotus Mutiara Rini, semalam.**

(SHMMP) Deepavali di Lotus's Mutiara Rini, semalam.

Di Melaka, KPDNHEP juga memberi jaminan bekalan telur di seluruh negara yang mengalami kekurangan antara lima hingga 10 peratus, pulih hujung bulan ini.

Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Roziah Abudin berkata, masalah itu berpunca dari 21 ladang berskala kecil yang terpaksa ditutup kerana

didapati tidak efisien manakala ladang besar seperti Huat Lai Resources Berhad di Merlimau dekat sini, tidak dapat menambah jumlah pengeluaran.

"Usaha kerajaan menaikkan subsidi daripada tiga sen kepada lapan sen bagi telur Gred A, B dan C juga menjadi salah satu faktor mendorong syarikat-syarikat besar dapat meningkatkan pengeluaran untuk pasaran tempatan," ujarnya.



AM

## Jualan terus dari ladang catat RM16.17 juta



22/10/2022 05:19 PM

JASIN, 22 Okt (Bernama) – Program Jualan Terus Dari Ladang Keluarga Malaysia (JTDLKM) mencatatkan jualan terkumpul RM16.17 juta setakat September lepas di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Abdul Rashid Bahri berkata jumlah itu amat memberangsangkan berbanding sasaran awal RM10.5 juta.

Beliau berkata jumlah itu membabitkan kuantiti jualan sebanyak 3,105 tan metrik barangan keperluan seperti ikan, ayam, sayur-sayuran dan buah-buahan, membabitkan 1,025 program yang dilaksanakan untuk usahawan memasarkan hasil pertanian secara terus kepada pengguna.

"Sehingga kini terdapat 10,400 usahawan JTDLKM termasuk di Sabah dan Sarawak yang masih aktif dan kita jangka nilai jualan itu terus meningkat berbanding tahun lepas iaitu kira-kira RM10 juta berikutan kekangan sekatan pergerakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program itu dan Jualan Murah Keluarga Malaysia (JMKM) yang dirasmikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I Datuk Seri Ahmad Hamzah di pekarangan Masjid Al-Hassanah Sungai Rambai di sini.


Abdul Rashid berkata program selama dua hari itu melibatkan 32 usahawan dengan sasaran 3,000 pengunjung selain menawarkan tawaran diskaun sehingga 50 peratus bagi barangan terpilih.



Dalam pada itu beliau berkata FAMA melaksanakan 150 program JMKM di Melaka membabitkan jualan RM6 juta sejak diperkenalkan Ogos lepas.

"Menerusi program itu pengguna ditawarkan potongan 20 peratus bagi pembelian barangan keperluan manakala untuk program hari ini, pengunjung boleh mendapatkan 'kombo' berharga RM20 untuk pembelian gula, tepung, beras dan minyak masak," katanya.

- BERNAMA



Headline	September inflation rate at 4.5 pct, lower than August		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Business	Circulation	18,290
Page No	A4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	301 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,678
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,034



# September inflation rate at 4.5 pct, lower than August

**KUALA LUMPUR:** Malaysia recorded an inflation rate of 4.5 per cent in September 2022, which is lower than the 4.7 per cent in August 2022, said Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

He said that on a month-on-month comparison, inflation in September 2022 continued to moderate to 0.1 per cent compared to 0.2 per cent in August 2022, while for the period from January to September 2022, the inflation rate recorded 3.3 per cent.

"Malaysia recorded a lower inflation rate for September 2022 compared to some places such as the eurozone (10.0 per cent), the United States (8.2 per cent), the Philippines (6.9 per cent), Thailand (6.4 per cent), Indonesia (6.0 per cent) and South Korea (5.6 per cent)," he said in a statement yesterday.

Mustapa said the increase in September was mainly contributed by an increase in food group inflation which moderated to 6.8 per cent compared to 7.2 per cent in August, driven by the food component at home which increased moderately, which was 5.7 per cent compared to 6.4 per cent in August.

"The meat sub-group which includes chicken, beef, pork,

lamb, buffalo and duck has recorded a slower increase to 6.6 per cent in September compared to 9.9 per cent in August.

"This is mainly due to chicken, which is the largest component in this subgroup representing 46.1 per cent, showing a significant moderation in price increases, which is 3.7 per cent compared to 10.7 per cent in August," he said.

Although the milk, cheese and egg group recorded the highest increase of 8.8 per cent in September, it was still slower than the 9.4 per cent increase in August, he added.

Mustapa said chicken eggs which contributed 22.8 per cent to the overall weight of the milk, cheese and egg subgroup also moderated to 9.0 per cent compared to 12.6 per cent in the previous month.

The vegetable subgroup has also started to moderate in September with 6.3 per cent compared to 8.9 per cent in the previous month.

Among the vegetables and some types of fish that recorded a month-on-month price drop are tomatoes (9.9 per cent), cucumbers (7.8 per cent), French beans (4.2 per cent), drift fish (3.4 per cent) and yellowtail scad (1.2 per cent).

"While the maximum price of pure cooking oil packaged in bottles of various sizes has recorded a decrease with effect from Sept 8 to Oct 7, 2022 with the content of five kilogrammes (kg) recording the largest reduction, which is a decrease to RM33.50 from RM34.70.

"The effect of this initiative can be seen clearly through a small increase of 4.8 per cent for blended oil items compared to 6.6 per cent in August 2022," he said.

Mustapa said the implementation of the maximum price of bottled palm oil and the setting of the ceiling price of chicken introduced by the government, had a positive impact and relieved consumers, especially traders, from having to cover the high cost of raw materials, thereby reducing their burden.

"Although parliament has been dissolved on Oct 10, measures to curb price increases will continue to be implemented to ensure that Keluarga Malaysia is not burdened with the increase in the price of goods," he added.

Among the latest measures taken by the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) and the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) are

- the ceiling price of standard chicken at the retail level is maintained at RM9.40 per kg; while grade A, B and C chicken eggs at ceiling prices of 45 sen, 43 sen and 41 sen each; the subsidy of 80 sen per kg of chicken to chicken farmers continues until December 2022; the increase in subsidy to 8 sen from 3 sen for an egg to chicken egg producers is also continued until December 2022; and monitoring and enforcement of cartel activities especially for chicken and chicken eggs.

He said the government is aware of various complaints published in the mass media, especially regarding the issue of the lack of subsidised grade A, B and C chicken eggs in the market.

Subsequently, MAFI and KPDNHEP are constantly monitoring the issue and will present the monitoring results during the Special Anti-inflation Team Meeting on Oct 25.

"This is in line with the government's efforts to ensure that the country's inflation rate continues to be under control, especially the increase in prices for food items including food outside the home through stricter control on profiteering activities," he added. — Bernama

Headline	ANJUNG KORPORATJ		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	18	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	871 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 22,691
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,072

**ANJUNG KORPORAT**



**MENTERI** Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Samsuri Mokhtar (tengah) melancarkan projek pembangunan hidrokuasa kecil berkapasiti 2.85 megawatt di Besut baru-baru ini. Projek itu dilaksanakan Domainedge Sdn. Bhd., syarikat tujuan khas di bawah usahasama syarikat milik kerajaan negeri, MBI Modal Sdn. Bhd. dan TelTech Padu Berhad serta Inter Global Hydro Sdn. Bhd.



**PENGARAH** Ususan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Syahrulizam Samsudin (dua dari kiri) bergambar bersama Konsul Jeneral Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu, Fady Amri (tengah) dan Penasihat (TMax System) Berhad, Datuk Ahmad Fahimee (dua dari kanan) selepas menandatangani memorandum di Kuala Lumpur.



**TIMBALAN** Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua dari kiri) melawat gerai pameran pada Hari Inovasi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) 2022 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor baru-baru ini.



**KETUA** Pegawai Eksekutif Vale di Malaysia, Rodrigo Ribeiro de Araújo bergambar bersama pelajar neuro pelbagai pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Nur Hidayah Seri Manjung di Pusat Ekologi Vale di Teluk Batik, Perak baru-baru ini. Syarikat perlombongan itu mengumumkan pelaburan RM5 juta untuk naik taraf pusat tersebut.



**KETUA** Pegawai Eksekutif Celcom, Datuk Idham Nawawi (tiga dari kiri), Pengarah Urusan DHL Supply Chain Malaysia (DHL), Marlo Lorenz (tiga dari kanan) bergambar selepas majlis pemeteraian usahasama antara Celcom dengan DHL di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

## Kartel menekan rakyat, kerajaan perlu agresif kuat kuasa Akta Persaingan 2010



### SAUDARA PENGARANG,

ISU [kartel](#) kembali menjadi fokus setelah muka depan *Utusan Malaysia* pada 18 Oktober lalu menyiarkan berita kartel ayam dan telur kembali sibuk mencatu bekalan kedua-dua bahan keperluan itu sehingga menyukarkan orang ramai dan peniaga.

Masalah kekurangan bekalan makanan asas itu sama ada ayam segar atau telur berlaku di seluruh negara dan situasi semakin meruncing apabila banyak kedai mamak tidak lagi menjual roti canai telur kerana terputus bekalan.

Kekurangan bekalan kedua-dua bahan makanan ini yang berlaku di hampir semua negeri didakwa berpunca daripada monopoli syarikat gergasi mencari peluang untuk meraih keuntungan berlipat kali ganda pada musim perayaan dan ketika negara dalam proses memilih kerajaan baharu sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15)

Pada pendapat saya, banyak lagi kartel seperti kartel ayam dan telur beroperasi di Malaysia. Mereka dikatakan menggunakan kedudukan mendominasi pasaran untuk memaksimumkan keuntungan peribadi dengan mengawal penawaran dan harga barangan tersebut.

Amalan-amalan ini membebankan pengguna berpendapatan rendah (B40). Perlu diingat, komitmen menghapus atau menentang institusi kartel seperti ini tidak sama dengan komitmen menghapuskan institusi orang tengah.

Dalam sistem pasaran, institusi orang tengah memainkan peranan yang positif dalam menghubungkan pengeluar dengan pengguna. Yang membezakan kedua-dua institusi ini ialah orang tengah tidak menyalahgunakan kedudukan mereka.

Banyak agensi dan institusi kerajaan ditubuhkan untuk memainkan peranan atau fungsi institusi orang tengah dan bukan melawan kartel.

### Stabil

Contohnya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Fungsi-fungsi asas FAMA menambah nilai pasaran. Mereka berusaha mencapai skala ekonomi besar dengan menyusun dan mengumpul keluaran daripada petani-petani atau pengeluar-pengeluar kecil bagi menjaga kestabilan harga dan pendapatan petani-petani yang rendah.

FAMA juga bertindak memberi keadilan dalam bentuk harga yang adil dan sesuai kepada pengguna. Walaupun tindakan FAMA dalam mengawal penawaran berkesan, mereka tidak mempunyai objektif memaksimumkan harga dan keuntungan peribadi.

Tindakan kartel ayam dan telur ini adalah di luar norma amalan-amalan perniagaan biasa. Mereka mencari jalan mengambil kesempatan daripada kelebihan yang ada bagi mengawal penawaran dan harga untuk memaksimumkan keuntungan peribadi



Teknik pengawalan penawaran dan harga secara formal bukan sahaja diamalkan oleh kartel. Ada teknik tidak formal mengawal penawaran dan harga dibuat seperti yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan perdagangan.

Tindakan mereka menyelaras pengeluaran dan mengawal penawaran serta harga untuk kepentingan ahli-ahli mereka bersifat tidak formal tetapi tetap berkesan.

Oleh itu, komitmen menentang atau menghapuskan orang tengah mestilah merangkumi amalan-amalan tidak rasmi pertubuhan-pertubuhan perdagangan ini.

Kerajaan meluluskan Akta Persaingan pada 2010 yang bertujuan mencegah penubuhan institusi kartel dan amalan perdagangan tidak sihat serta menggalakkan persaingan bebas seperti di Amerika Syarikat.

Persaingan yang sihat memberi manfaat kepada ekonomi. Pelaksanaan Akta Persaingan ini boleh mewujudkan suasana positif dalam dunia perniagaan di negara ini. – UTUSAN